

Dua pegawai kanan

Persekutuan naik pangkat

PUTRAJAYA 18 Julai - Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Himmat Singh Ralla Singh dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi berkuat kuasa 21 Julai ini menggantikan Datuk Seri Nurmala Abdul Rahim yang sedang bercuti sebelum bersara wajib.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, Himmat Singh, 58, berkelulusan ijazah sarjana dalam bidang sumber taman rekreasi dari Michigan State University, Amerika Syarikat dan ijazah sarjana muda sains dalam bidang ekologi dari Universiti Malaya (UM) telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 33 tahun.

Katanya, Himmat Singh mula menyertai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) pada 1 Disember 1981 dan berpengalaman luas dalam bidang pengurusan ekonomi serta sosial khususnya berkaitan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam.

"Saya percaya kelayakan, pengalaman, pengetahuan serta kredibiliti yang dimiliki oleh Himmat Singh akan membolehkan beliau memimpin dan meneruskan kecemerlangan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam kenyataan yang sama beliau turut mengumumkan pelantikan Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Zohari Akob sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya yang baharu menggantikan Himmat Singh.

Beliau berkata, pelantikan itu juga berkuat kuasa 21 Julai ini.

Katanya, Zohari, 56, yang berkelulusan ijazah sarjana dalam bidang ekonomi dari University of Leicester, United Kingdom dan ijazah sarjana muda sains dalam bidang perikanan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berkhidmat dalam sektor awam selama 26 tahun.